Khamis **29.7.2021**

Baca dan jawab soalan di bawah dengan betul.

Tandakan (✓) bagi kata ganti nama diri yang betul berdasarkan ayat di bawah.

1. _____ yang rajin berusaha pasti mencapai kejayaan.
   Dia ( ) Mereka ( ) Kita ( )

2. Encik Jamil tertidur di ruang tamu kerana _____ terlalu penat.
   saya ( ) aku ( ) dia ( )

3. Sazlia mengajak _____ menemaninya ke perpustakaan awam.
   beta ( ) saya ( ) beliau ( )

4. Basirah dan Alvin sedang berbual tentang hobi _____ pada masa lapang.
   mereka ( ) kalian ( ) kami ( )

5. Emak menggoreng ikan dan sayur untuk juadah _____ pada malam nanti.
   beliau ( ) kami ( ) hamba ( )

6. "Mengapakah _____ bersedih?" tanya Saerah kepada Zahnita.
   saya ( ) dia ( ) kamu ( )

7. Kedua-dua pelari itu menjulang piala yang dimenangi oleh _____ dengan gembira.
   mereka ( ) beliau ( ) kami ( )

8. "Di manakah _____ menemukan dompet ini?" tanya Adam kepada Shah.
   saya ( ) kita ( ) engkau ( )

Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

1. "Belum pernah (saya / dia / anda) lihat orang yang setinggi itu," kata Liana.
2. Elok benar (ia / awak / hamba) ke sini kerana saya ingin bertanyakan beberapa soalan.
3. Para peserta kem itu meletakkan beg (nya / kalian / mereka) di dalam khemah masing-masing.
4. "Rizal, tolong (kami / mereka / kita) bawa peralatan sukan ke padang," kata Ganesh dan Badrul.
5. Menteri Besar Kedah dan rombongan (awak / beliau / baginda) melawat Universiti Utara Malaysia hari ini.
6. Nora dan kakak (nya / ia / mu) membeli kasut baharu untuk menyambut hari raya.

LIVEWORKSHEETS